

# Mengubah landskap industri ternakan

PUSAT Fidlot Nasional (NFC) antara projek Berimpak Tinggi (HIP) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang dijangka mengubah landskap industri perternakan untuk mencapai tahap sara diri (SSL) sehingga 40 peratus menjelang 2010 berbanding hanya 23 peratus pada 2005.

Pembangunan industri ternakan ruminan itu amat penting bagi membolehkan ramai pengusaha ternak dilahirkan sekali gus meningkatkan pengeluaran daging negara menjelang tahun tersebut.

Operasi NFC dijalankan sepenuhnya oleh swasta, National Feedlot Corporation- NC Corp. yang ditubuhkan melalui pemilikan ekuti bersama kerajaan Negeri Sembilan, Kerajaan Pusat dan syarikat swasta terpilih.

Sebuah kawasan seluas kira-kira 2,000 hektar di Gemas, Negeri Sembilan telah dikenal pasti untuk tujuan tersebut dan kira-kira RM80 juta diperuntukkan iaitu RM40 juta bagi membangunkan NFC dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan baki RM40 juta lagi untuk pembangunan ladang-ladang satelit di Semenanjung Malaysia.

Apa yang menarik dalam projek ini yang bakal dilancarkan tahun ini ialah bukan sahaja dapat meningkatkan pengeluaran daging tetapi dapat melahirkan lebih ramai pengusaha ternakan apabila ia beroperasi sepenuhnya kelak.

Sebagai contoh menerusi pembangunan ladang-ladang satelit yang disasarkan seluas 7,750 hektar, ia akan melibatkan 310 peserta.

Selain NFC, satu lagi projek pembangunan industri ternakan yang tidak kurang pentingnya ialah pembangunan Pusat Pengeluaran Kambing Boer Negara (NBBC) yang dikenal pasti di kawasan seluas 405 hektar di Pondok Tanjung, Taiping, Perak.

Projek tersebut yang dijangka dilancarkan tahun ini diharap akan menarik minat lebih ramai pengusaha ternak khususnya baka kambing Boer dan meningkatkan pengeluaran daging kambing.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pusat berkenaan yang dibangunkan oleh kerajaan Pusat dengan kerjasama kerajaan negeri masih dalam proses pembangunan infrastruktur melalui bantuan pihak swasta.

Kata beliau, pusat berkenaan dibangunkan bagi memastikan bekalan daging dan juga baka kambing jenis Boer sentiasa mencukupi untuk keperluan dalam negara.